



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2002

**KEMUDAHAN CUTI URUSAN KEMATIAN
AHLI KELUARGA TERDEKAT**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi kemudahan cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat kepada anggota Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini anggota Perkhidmatan Awam yang kematian ahli keluarga terdekat perlu mengambil cuti rehat atau cuti-cuti lain yang layak bagi menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga berkenaan. Selaras dengan hasrat mengutamakan keluarga (*family first*), Kerajaan telah bersetuju memberikan cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod.

PELAKSANAAN

3. Kemudahan cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat hendaklah dilaksanakan seperti berikut:
 - a. kemudahan ini boleh diberi selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan kematian ahli keluarga yang terdekat;
 - b. ahli keluarga terdekat bermaksud suami atau isteri, anak-anak serta ibu dan bapa kandung kepada anggota berkenaan;
 - c. cuti ini hendaklah bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat;
 - d. tempoh cuti ini termasuk semua hari rehat dan hari kelepasan am; dan
 - e. kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.
4. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada pegawai perkhidmatan pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan atau bertugas semasa penggal persekolahan.
5. Anggota yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan salinan pengesahan kematian ahli keluarga terdekat kepada Ketua Jabatan untuk tujuan rekod.


TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

9 November 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan